

Selamat pagi, Yang Berhormat Datuk Dr. Shafie Ooyub, Yang Berhormat Datuk Hajah Rohani, ahli-ahli yang terhormat wanita dewan rakyat, dewan negara dan dewan undangan negeri-negeri.

Nama saya Joanna Bessey dan saya berasa sungguh bertuah kerana dapat hadir pada hari ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Richard Leete kerana memberi saya peluang untuk memberi ucapan kepada para hadirin sekalian, sebagai seorang warga negara Malaysia.

Memang susah untuk menghadapi gejala-gejala yang boleh membinasakan masyarakat kita. Sebab-sebab di sebalik masalah-masalah masyarakat kita mungkin sukar di terima dan di akui. Lebih lama kita abaikan sebab-sebab sebenar di sebalik masalah-masalah kita, lebih teruk akibatnya kepada kita. Kalau kita mahu menghadapi masalah kita, lebih cepat masalah itu akan di atasi.

Saya sungguh kagum dan gembira kerana ahli-ahli yang terhormat telah memilih untuk memberi tumpuan kepada masalah-masalah seperti penagihan dadah dan HIV/AIDS. Pada tahun dua ribu empat, di dalam enam bulan sahaja, jumlah penagih dadah yang di jangkiti Aids telah meningkat hampir dua ribu orang. Dengan itu saya percaya masalah penagihan dadah patut di beri prioriti yang lebih tinggi kerana nyata langkah-langkah yang kita lakukan setakat ini tidak mencukupi.

Pemulihan penagih-penagih dadah adalah sesuatu yang penting untuk saya dari segi peribadi kerana sudah lama saya melihat orang ramai termasuk kawan-kawan yang di seksa penagihan dadah. Bukan saja penagih yang merana, malah keluarga mereka dan juga masyarakat seluruhnya. Di kampung Mak saya, Beranang, ramai yang takut di rompak oleh penagih-penagih dadah. Tetapi, penagih-penagih ini berkelakuan begini kerana terdesak sebab kesan-kesan dadah kepada mereka membuat kehidupan mereka terseksa.

Saya telah membuat kajian dan telah menjumpai sebuah program pemulihan dadah bernama Narconon (as in NON narcotic). (Sila lihat halaman Web Narconon.org) Program ini tidak langsung mengguna dadah untuk pemulihan seperti program lain sebagai contoh yang mengguna Methadone untuk memulih penagih heroin. Program ini mempunyai peratus kejayaan, 70% atau lebih, di bandingkan lebih kurang 20% program biasa. Narconon adalah program yang unik. Bukan saja ia berjaya menghapuskan keinginan dan penagihan tanpa mengguna dadah, malah menghapuskan kesan physical yang menyiksa seorang penagih yang sedang pulih (withdrawal symptoms). Sebab inilah Narconon sungguh berkesan dan berjaya.

Lebih dari itu, Narconon adalah program yang juga mencegah penagihan sebelum ia berlaku, terutama di kalangan muda. Pakar-pakar program Narconon terlatih dalam menyebarkan kenyataan-kenyataan tentang kesan-kesan buruk dadah kepada masyarakat muda dan mereka sanggup melatih sesiapa yang ingin menjalankan program ini. Selama 35 tahun Narconon telah membuktikan yang pemulihan penagih yang stabil dan kekal adalah satu kenyataan. Kita harus ingat yang penagih-penagih dadah juga mempunyai hak asasi manusia dan berhak untuk diberi pertolongan dan bantuan.

Cuba bayangkan Malaysia sebagai sebuah negara pertama yang bebas dari dadah dan HIV/AIDS. Bukankan itu impian kita semua? Sekian, terima kasih.